

# BERITA HARIAN

## 19 APRIL 2013



Zainal Abidin (empat dari kiri) bersama wakil penaja dan pegawai pasukan pada majlis **penyerahan tajaan** di Hotel Le Meridien, semalam.

## MUDS 2013 sasar 900 atlet lumba endurance

**Kuala Lumpur:** Sasaran lebih tinggi 900 penyertaan diletakkan dalam kejohanan Siri Duathlon Universiti Malakoff (MUDS) 2013 yang dibuka pendaftarannya bermula semalam yang kini memasuki edisi ketujuh sejak penganjuran pertamanya pada 2003.

Perlumbaan endurance yang membabitkan dua acara larian dan mengayuh basikal ini dijadualkan diadakan pada tiga hari berbeza di tiga universiti berlainan bermula pada 11 Mei di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), diikuti Universiti Malaya (UM) pada 18 Mei dengan final dijalankan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1 Jun.

### 750 penyertaan tahun lalu

Ketua Pegawai Eksekutif Malakoff, Zainal Abidin Jalil berkata melihat kepada sokongan diraih

pada edisi sebelum ini, sasaran lebih besar diletakkan pihaknya selepas berjaya mencatat 750 penyertaan tahun lalu.

“Penganjuran MUDS kali ini adalah sebahagian daripada komitmen kami menyumbang kepada perkembangan komuniti Duathlete di Malaysia,” kata Zainal. “Siri Duathlon Universiti Malakoff dianjurkan dan direka yang sesuai dengan semua peminat sukan larian dan berbasikal.”

Kali pertama MUDS dianjurkan pada 2003, ia meraih penyertaan seramai 321 peserta sekalipun Duathlon ketika itu masih belum dikenali. Kepada yang berminat, mereka boleh melayari laman web [www.duathlonseries.com.my](http://www.duathlonseries.com.my) dengan tarikh tutup pendaftaran untuk siri pertama sehingga ketiga ialah pada 7 Mei, 14 Mei dan 28 Mei 2013.